



JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Wisma Kewangan
Jalan Tunku Abdul Rahman
Beg Berkunci No. 2058
88595 Kota Kinabalu,
Sabah, Malaysia



Tel: 088-272000 Faks: 088-212655 E-mel: bn.jbn@sabah.sabah.gov.my

Bil. JBNS: (A)400-0/2146/A Kit.3/26

Tarikh : 11 Jun 2012

Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil

Y.Bhg/YB/TanSri/Datuk/Tuan/Puan,

PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL 4 /2012 PELAKSANAAN SISTEM E-SLIP GAJI

1. Tujuan

Tujuan pekeliling ini adalah untuk memaklumkan mengenai pelaksanaan sistem e-slip Gaji bagi anggota perkhidmatan awam negeri.

2. Latar Belakang

- 2.1 Pada masa ini Jabatan Bendahari Negeri Sabah JBNS menyediakan slip bayaran gaji setiap bulan kepada Ketua Jabatan untuk diagihkan kepada semua anggota masing-masing yang dibayar gaji di bawah Sistem Gaji Pusat.
- 2.2 Kaedah ini akan digantikan dengan Sistem e-slip Gaji yang mana anggota-anggota perkhidmatan awam negeri yang dibayar gaji di bawah Sistem Gaji Pusat boleh mengakses ke sistem berkenaan di laman Sabahnet di [URL:http://sww.jpkn.sabah.gov.my/semakanbayaran/](http://sww.jpkn.sabah.gov.my/semakanbayaran/) dan menggunakan katalaluan yang sama untuk sistem e-cuti untuk mengakses maklumat gaji masing-masing. Data gaji boleh dicetak dengan memilih menu cetak yang disediakan dalam paparan.

3. Tempoh Peralihan

- 3.1 Dalam tempoh peralihan JBNS akan masih membekalkan Slip Gaji kepada semua Ketua Jabatan seperti biasa sehingga bayaran gaji bulan Disember 2012.
- 3.2 Mulai Tahun 2013 JBNS Sistem Gaji akan dikuatkuasakan sepenuhnya dan JBNS akan menghentikan pemberian Slip Gaji. Semua anggota yang dibayar gaji di bawah Sistem Gaji hendaklah mendapatkan maklumat gaji dalam Sistem e-slip Gaji dan mempunyai pilihan untuk mencetak slip gaji masing-masing.

4. Penutup

Sekiranya mempunyai kemusykilan mengenai pelaksanaan sistem ini, sila hubungi Seksyen Gaji Pusat , Jabatan Bendahari Negeri, Kota Kinabalu pada talian 088-272158 atau 272160.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH”



.....
(CHUI NGET NGO)

Bendahari Negeri Sabah

ASA/cc.